


Tel: 088-283283  
Fax: 088-239046  
E-mail: doasabah@sabah.gov.my  
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani



**SABAH, MALAYSIA**



**Jabatan Pertanian Sabah**  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah  
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang  
Off Jalan Maktab Gaya  
Beg Berkunci No. 2050  
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/( )

Tarikh: 20 Mac 2013

Ketua-Ketua Penolong Pengarah Pertanian/Penyelidikan Ibu Pejabat  
Penolong-Penolong Pengarah Ibu Pejabat  
Pegawai-Pegawai Pertanian Kanan Ibu Pejabat  
Pegawai-Pegawai Pertanian Ibu Pejabat

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 4/2013**  
**SIJIL PEMBAYARAN INTERIM KONTRAK/SEBUTHARGA**  
**DI IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN SABAH**

Perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Ketika ini penyediaan Penyata Sijil Pembayaran Interim untuk Kontrak Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang diurus oleh Ibu Pejabat disediakan oleh Seksyen Kewangan. Sijil tersebut dihantar kepada Seksyen Projek dan Harta untuk pengesahan dan Timbalan Pengarah Bahagian yang mengawal peruntukan/pelaksana projek untuk perakuan. Selepas itu Sijil yang telah disahkan dan diperakuan dikembalikan kepada Seksyen Kewangan untuk proses pembayaran.

3. Amalan di atas didapati tidak efisien dan menjejaskan proses pembayaran. Akibatnya Jabatan sering mendapat teguran berkenaan kelewatan dalam memproses pembayaran kerana tidak dapat mematuhi Arahan Perbendaharaan Bil. 103 yang mengkehendaki pembayaran dilakukan dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh bil diterima.

4. Bagi melicinkan pengurusan pembayaran, Sijil Pembayaran Interim untuk Kontrak Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan hendaklah disediakan oleh Seksyen/Bahagian yang menyelia atau pemegang peruntukan berkenaan. Sijil Pembayaran Interim yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Seksyen Kewangan selewat-lewatnya tiga (3) hari dari tarikh invois/tuntutan diterima daripada pihak pembekal/kontraktor.

...2/-



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SIJIL : KLR 6012182


5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai Arahan ini, sila berhubung dengan pegawai-pegawai di Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Pertanian seperti berikut:-

- i) Encik Sabturani Abdullah (Akauntan) - 088-283278
- ii) Hj Nisma Hj Kastom (Penolong Kanan Akauntan) - 088-283279
- iii) Puan Siti Mulizah Hj Mujum (Penolong Akauntan) - 088-283279
- iv) Puan Glen David Daladin - (Penolong Akauntan) - 088-283280
- v) Encik Mohd Wan Sweehaimi Bin Jermang (Penolong Akauntan) - 088-283284

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

*'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'*

  
(DATUK M.C. ISMAIL SALAM)  
PENGARAH PERTANIAN

- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Pengurusan)
- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan)
- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Penyelidikan)
- s.k. Ketua Akauntan
- s.k. Penolong Pengarah Pertanian (Pengurusan Projek dan Harta)